

STRATEGI MAHASISWA KUIS DALAM PEMBELAJARAN KONSTRUKTIF SECARA ONLINE BAGI KURSUS *ILM TAKHRIJ AL-HADITH*
THE STRATEGY OF KUIS STUDENTS ON CONSTRUCTIVE LEARNING USING ONLINE FOR *ILM TAKHRIJ AL-HADITH* COURSE

Mohd Norzi bin Nasir¹, Mohd Hakim bin Arshad², Mustafa Kamal bin Amat Misra³ Mohd Farid Ravi bin Abdullah⁴

1* Pensyarah, Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS) mohdnorzi@kuis.edu.my

2 Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS) mohdhakim@kuis.edu.my

3 Pensyarah, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS) mustafakamal@kuis.edu.my

4 Pensyarah Kanan, Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor KUIS) faridravi@kuis.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 16 Nov 2020

| Selepas Pembedaan: 12 Jan 2021

| Diterima untuk terbit: 30 Jan 2021

Abstrak

Kursus *ilm takhrij al-hadith* amat menekankan pengetahuan dari aspek teori dan amali. Kajian ini menganalisa tentang strategi pembelajaran konstruktif dalam kalangan mahasiswa secara online bagi kursus *ilm takhrij al-hadith*. Kajian ini merupakan kajian lapangan yang dijalankan melalui kaedah kuantitatif. Data yang diperolehi daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 21 dan diuraikan dengan menggunakan kaedah statistik deskriptif. Hasil kajian diharapkan dapat memberi informasi berguna kepada pensyarah khususnya dan respon balas kepada mahasiswa KUIS umumnya tentang strategi yang paling berkesan dalam pembelajaran dan pengajaran bagi mendepani revolusi industri 4.0. Perubahan metode dalam pembelajaran dan pengajaran ketika dunia sedang menghadapi pandemik COVID-19 turut mengajak semua untuk lebih memaknai bahawa teritori antara guru dan murid tidak boleh dipisahkan dan pemeraksanaan ilmu tetap berlangsung bagi memastikan nilai ilmu terpelihara dan hasrat melahirkan generasi berpengetahuan tinggi benar-benar tercapai.

Kata kunci

Strategi pembelajaran, konstruktif, online, *ilm takhrij al-hadith*.

Abstract

Ilm takhrij al-hadith course emphasizes knowledge from theoretical and practical aspects. This study analyzes the constructive learning strategies among students online for the course *ilm takhrij al-hadith*. This study is a field study conducted through quantitative methods. The data obtained from the questionnaire were analyzed using SPSS software version 21 and elaborated using descriptive statistical methods. The results of the study are expected to provide useful information to lecturers in particular and feedback to KUIS students in general on the most effective strategies in learning and teaching to face the industrial revolution 4.0. The change in methods in learning and teaching when the world is facing the COVID-19 pandemic also invites

everyone to better understand that the territory between teachers and students is inseparable and the empowerment of knowledge remains to ensure the value of knowledge is preserved and the desire to produce a generation of highly educated is achieved.

Keywords

Learning Strategies, Constructive, Online, Ilm Takhrij al-Hadith.

1.0. Pendahuluan

Belajar adalah nafas dalam kamus hidup seorang pelajar atau mahasiswa. Dimiyati dan Mudjiono (2009:7) menyatakan bahawa belajar adalah tindakan dan perilaku siswa yang kompleks. Siswa menjadi penentu terjadi atau tidaknya proses belajar. Sementara Slameto (2010: 2) menyatakan bahawa belajar merupakan suatu proses usaha yang dilakukan seseorang untuk mencapai suatu perubahan tingkah laku yang baru secara keseluruhan, sebagai hasil dari pengalamannya sendiri dalam berinteraksi dengan lingkungannya. Dalam memastikan kualiti pembelajaran yang berkesan bagi seseorang pelajar maka penggunaan strategi pembelajaran yang sesuai amat perlu dibina.

Menurut Sapie et:all (2014: 89) Penggunaan strategi pengajaran yang berkesan oleh guru akan menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang baik dan akhirnya membawa kepada kecemerlangan pelajar. Pengajaran merupakan suatu proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas yang bertujuan menyebarkan ilmu pengetahuan dan kemahiran tertentu. Malah ia melibatkan beberapa teknik dan strategi yang perlu diaplikasikan oleh setiap guru. Berdasarkan kajian yang dijalankan Sapie berpandangan realitinya, tidak semua guru mengetahui dan mampu mengaplikasikan strategi dan teknik pengajaran yang berkesan dalam pengajaran mereka.

Maka data difahami bahawa subjek dari proses pendidikan secara keseluruhan adalah proses belajar dan mengajar yang merupakan suatu proses Interaksi atau hubungan yang terjalin antara pensyarah dan mahasiswa. Ketika membicarakan tentang strategi pembelajaran konstruktif penyertaan aktif mahasiswa dalam proses pembelajaran, pembelajaran sendiri yang efektif dan berterusan serta kemampuan pelajar untuk mengembangkan pengetahuannya sendiri amat penting.

2.0 Definisi Strategi

Strategi berasal dari kata benda dan kata kerja dalam bahasa Yunani yaitu *strategy*. kata benda yaitu *strategos* yang merupakan gabungan kata *stratos* (militer) dengan "ego" (memimpin). Sebagai kata kerja yaitu *stratego* yang berarti merencanakan (to plan). (Abdul Majid:2013)

Dalam dunia pendidikan, strategi didefinisikan sebagai *a plan, method, or series of activities designed to achieves a particular educational goal*. Maka, strategi pembelajaran merujuk kepada perancangan yang teratur tentang aktiviti yang disusun untuk mencapai tujuan pendidikan tertentu. Menurut Abdul Majid lagi terdapat dua perkara yang sewajarnya diteliti dari definisi di atas. *Pertama*, strategi pembelajaran

merupakan rencana tindakan (rangkaian kegiatan) termasuk penggunaan metode dan pemanfaatan pelbagai sumber daya atau kekuatan dalam pembelajaran.. *Kedua*, strategi disusun untuk mencapai tujuan tertentu. Maksudnya arah dari semua keputusan penyusunan strategi adalah pencapaian tujuan. Dengan demikian, penyusunan langkah-langkah pembelajaran, manfaat berkongsi fasiliti dan sumber belajar semuanya membawa kepada usaha untuk mencapai suatu tujuan. Justeru itu, sebelum menentukan strategi, tujuan yang jelas dan dapat diukur dapatannya amat penting kerana tujuan adalah rohnya dalam implementasi suatu strategi. (Abdul Majid:2013)

3.0 Skop dan Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti strategi pembelajaran konstruktif mahasiswa KUIS bagi kursus *Ilm Takhrij al-Hadith* dan menganalisa dapatan mahasiswa melalui soal-an soal selidik yang telah diedarkan.

Ilm Takhrij al-Hadith adalah suatu ilmu yang melibatkan aspek pengetahuan teori dan amali. Aspek kesabaran, ketenangan dan rasa tidak putus asa dalam diri pelajar amat penting untuk memahirkan diri dalam mencari sumber asli sesuatu hadis. Ia juga bukanlah kursus mampu dikuasai jika hanya berbekalkan ilmu teori semata-mata.

Kursus *Ilm Takhrij al-Hadith* adalah kursus wajib jabatan semua pelajar di Jabatan al-Quran dan al-Sunnah FPPI,KUIS. Ia juga turut ditawarkan kepada pelajar dari jabatan-jabatan yang lain. Kursus *Ilm Takhrij al-Hadith* dibawah kod IDQS3083 diunjurkan kepada pelajar semester 5 Diploma Pengajian Islam di FPPI,KUIS. Ia merupakan kursus 3 jam kredit selama 14 minggu dalam 1 semester dengan 2 Jam Kuliah dan 1 Jam Tutorial. Bahasa pengantar bagi kursus ini adalah bahasa Arab yang digunakan samada semasa kuliah, tutorial, ujian dan peperiksaan.

Kajian ini merupakan kajian lapangan yang dijalankan untuk mengkaji persepsi pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran kursus *Ilm Takhrij al-Hadith* di FPPI, KUIS melalui kaedah kuantitatif. Responden kajian adalah pelajar Jabatan al-Quran dan al-Sunnah dan pelajar Akidah serta Dakwah dari Jabatan Dakwah dan Usuluddin,FPPI yang telah mengambil kursus Ulum Hadith pada semester 1 sesi 2020/2021 sewaktu COVID-19.

Kaedah persampelan menggunakan kaedah Morgan yang menetapkan jumlah responden mengikut jumlah populasi sebenar pelajar kursus *Ilm Takhrij al-Hadith* iaitu seramai 101 orang yang mewakili jumlah populasi sebenar seramai 120 orang pelajar. Instrumen kajian yang digunakan adalah borang kaji selidik yang terdiri daripada dua bahagian iaitu kajian demografi dan soalan kajian yang berkaitan dengan strategi pembelajaran mahasiswa bagi kursus *Ilm Takhrij al-Hadith* yang diikuti secara dalam talian atau online.

Keseluruhan item soalan kaji selidik yang dibina oleh penyelidik mengandungi 21 item yang mempunyai kesahan konstruk, kesahan kandungan dan kebolehpercayaan yang tinggi. Item-item yang dibina adalah berdasarkan konstruk tentang strategi pembelajaran konstruktif mahasiswa.

Skala likert lima mata dengan kaedah skornya ialah Sangat Tidak Setuju (1 mata), Tidak Setuju (2 mata), Tidak Pasti (3), Setuju (4), dan Sangat Setuju (5) digunakan dalam kajian ini. Data yang diperolehi melalui soalan kaji selidik direkodkan dan dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 21 dengan analisis statistik deskriptif yang melibatkan analisis kekerapan, peratusan dan min.

4.0 Analisis Data Dan Dapatan Kajian

Strategi Pembelajaran Ilm Takhrij al-Hadith Sewaktu COVID-19

Secara umumnya, hasil dapatan kajian ini diambil daripada data analisis deskriptif yang melibatkan min bagi menentukan pendekatan konstruktif terhadap strategi pembelajaran online dalam kalangan mahasiswa sewaktu COVID-19 bagi kursus *Ilm Takhrij al-Hadith* seperti jadual-jadual dan dapatan-dapatan berikut:

4.1 Analisa Usaha Kendiri Mahasiswa KUIS dalam pembelajaran

Bil.	Perkara	STS	TS	TP	S	SS	Min	Interpretasi
G1	Saya sentiasa memupuk minat dalam mendalami ilmu berkaitan takhrij.	5 5%	14 13.9%	13 12.9%	31 30.7%	38 37.6%	3.82	Tinggi
G2	Saya sentiasa berusaha memahami subjek ilmu takhrij al-hadith.	0 0%	0 0%	12 11.9%	56 55.4%	33 32.7%	4.21	Sangat Tinggi
G3	Saya sentiasa menganggap keterbatasan kemudahan pembelajaran yang berlaku sebagai cabaran untuk saya mengerti makna kesabaran.	0 0%	0 0%	6 5.9%	57 56.4%	38 37.6%	4.32	Sangat Tinggi
G4	Saya sentiasa	0	1	9	48	43	4.32	Sangat

	merujuk pensyarah untuk memahami istilah-istilah baru yang ditemui sewaktu pembelajaran sendiri.	0%	1.0%	8.9%	47.5%	42.6%		Tinggi
G5	Saya menggunakan waktu pembelajaran sendiri sebaik-baiknya seperti yang disarankan oleh pensyarah.	1	7	31	34	28	3.80	Tinggi
		1.0%	6.9%	30.7%	33.7%	27.7%		
G6	Saya merujuk kamus bahasa Arab untuk memahami pernyataan yang terkandung dalam buku silibus takhrij.	1	5	19	48	28	3.96	Tinggi
		1.0%	5.0%	18.8%	47.5%	27.7%		
G9	Saya melakar peta minda atau diagram selepas mengulangkaji bagi mengingat setiap kaedah yang dipelajari.	1	4	9	41	46	4.26	Sangat Tinggi
		1.0%	4.0%	8.9%	40.6%	45.5%		
G16	Saya membuat catatan maklumat penting semasa kuliah	0	2	8	40	51	4.39	Sangat Tinggi
		0%	2.0%	7.9%	39.6%	50.5%		

G17	Saya mendengar penjelasan penyarah di dalam kuliah dan tutorial	0 0%	4 4.0%	22 21.8%	39 38.6%	36 35.6%	4.06	Sangat Tinggi
G18	Saya menyiapkan tugas yang diberikan oleh penyarah dengan sebaiknya	0 0%	0 0%	9 8.9%	52 51.5%	40 39.6%	4.31	Sangat Tinggi
G20	Saya membuat rujukan sebelum kuliah atau tutorial bermula	0 0%	3 3.0%	16 15.8%	49 48.5%	33 32.7%	4.11	Sangat Tinggi
Min Keseluruhan							4.14	Sangat Tinggi

Item-item G1,G2,G3,G4,G5,G6,G9,G16,G17, G18 dan G20 merujuk kepada usaha sendiri mahasiswa dalam pembelajaran. Menurut Rafiza Abdul Razak 2013 sebagaimana dapatan kajian Ramlah Jantan (2002) mendapati sistem pendidikan yang bergantung sepenuhnya kepada guru, papan hitam dan buku teks dirasakan kurang sesuai digunakan dalam sistem pendidikan moden kini. Kaedah penyampaian berbentuk satu hala dan tidak berpusatkan pelajar ini telah menghalang pelajar untuk mengembangkan prestasi pembelajaran masing-masing dengan cara, teknik serta gaya pembelajaran mereka tersendiri.

Malah, teknik pengajaran yang tidak selari dengan perkembangan teknologi terkini dan tidak berpusatkan pelajar telah menyebabkan berlakunya implikasi yang kurang menyenangkan dalam keputusan peperiksaan pelajar (Woolnough, 1993). Kajian ini disokong oleh kajian yang dibuat Wheatley (1992) menunjukkan bahawa pembelajaran aktif dapat mempertingkatkan pemikiran dan tindak balas pelajar. Pelajar seharusnya diberikan peluang untuk membuat refleksi terhadap aktiviti yang dijalankan untuk pembentukan yang bermakna daripada pengalaman.

Di samping itu corak pembelajaran lebih berdikari iaitu bebas daripada kongkongan guru boleh menulis jawapan lebih kreatif dan tepat hasil pelbagai rujukan yang boleh dilakukan menerusi perkongsian di whatsapp atau telegram. Situasi ini dapat dilihat persamaannya dalam laporan daripada kajian Salabery (2001) mendapati kesan perkembangan teknologi dalam pengajaran dapat meningkatkan sikap pelajar-pelajar terhadap pembelajaran di dalam dan luar bilik darjah.



Rajah 1. Perkembangan teknologi dalam pengajaran dapat meningkatkan sikap mahasiswa terhadap pembelajaran di dalam kuliah dan di luar bilik kuliah.

4.2 Analisa Minat dan Pengaplikasian Ilmu dalam Kalangan Mahasiswa KUIS

Bil.	Perkara	STS	TS	TP	S	SS	Min	Interpretasi
G10	Saya melakar syajarah al-asanid bagi memperkasa pengetahuan dan mengaplikasi kaedah-kaedah takhrij yang dipelajari.	4 4.0%	16 15.8%	36 35.6%	29 28.7%	16 15.8%	3.37	Tinggi
G14	Saya mencabar diri untuk sentiasa melakukan takhrij hadis tentang apa jua matan hadis.	0 0%	1 1.0%	4 4.0%	44 43.6%	52 51.5%	4.46	Sangat Tinggi
G19	Saya membaca slide dan e-book yang disediakan oleh pensyarah serta e-book lain di laman web hadis.	0 0%	1 1.0%	6 5.9%	40 39.6%	54 53.5%	4.46	Sangat Tinggi
G21	Saya menonton video yang berkaitan dengan	4 4.0%	13 12.9%	37 36.6%	30 29.7%	17 16.8%	3.43	Tinggi


ilm takhrij al-hadith

Min Keseluruhan

3.93

Sangat Tinggi

Item-item G10,G14,G19, dan G21, merujuk kepada persoalan minat dan pengaplikasian ilmu mahasiswa. Berdasarkan sukatan kursus, kemahiran menganalisis setiap kaedah takhrij yang dipelajari perlu dikuasai oleh setiap pelajar. Minat dan kesungguhan yang mendalam membantu mempercepatkan proses penghayatan pelajar. Menurut Prettyman (1996), daya kreativiti guru adalah penting dalam pengajaran dan pembelajaran sastera. Minat dan kesungguhan yang mendalam membantu mempercepatkan proses penghayatan pelajar. Kelemahan ini boleh diatasi dengan melakukan perubahan dalam sistem pendidikan iaitu memperkenalkan kaedah pembelajaran dan pengajaran (P&P) yang berpusatkan pelajar. Dalam kaedah ini, pelajar sentiasa didorong untuk mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran. Lantaran itu, pembelajaran akan menjadi lebih bermakna dan menyeronokkan.



Rajah 2. Pertanyaan pelajar dan lakaran *syajarah al-asanid* dalam memperkasa pengetahuan dan mengaplikasi kaedah-kaedah takhrij yang dipelajari.

4.3 Analisa Penggunaan Internet dalam Pembelajaran Online dan Kolaborasi dengan Rakan-Rakan dalam Perkongsian Pengetahuan dan Kefahaman Mahasiswa KUIS Berkaitan Kursus

Bil.	Perkara	STS	TS	TP	S	SS	Min	Interpretasi
G7	Saya melakukan perbincangan bersama rakan-rakan melalui aplikasi online seperti whatsapp dan google meet.	1 1.0%	9 8.9%	28 27.7%	38 37.6%	25 24.8%	3.76	Tinggi
G8	Saya berkongsi kefahaman yang diperolehi dalam kuliah dengan rakan-rakan.	0 0%	2 2.0%	9 8.9%	37 36.6%	53 52.5%	4.40	Sangat Tinggi
G11	Saya mencari maklumat-maklumat lain berkaitan kaedah-kaedah takhrij melalui internet.	1 1.0%	3 3.0%	18 17.8%	47 46.5%	32 31.7%	4.05	Sangat Tinggi
G12	Saya melawat laman-laman web takhrij hadis bagi mendapat info-info tambahan berkaitan takhrij.	0 0%	1 1.0%	14 13.9%	43 42.6%	43 42.6%	4.27	Sangat Tinggi
G13	Saya melawat laman-laman web takhrij hadis bagi menyempurnakan	0 0%	0 0%	8 47%	47 46.5%	46 45.5%	4.38	Sangat Tinggi

tugasannya takhrij.


Min Keseluruhan

4.17

Sangat Tinggi

Item-item bagi G7, G8, G11, G12, dan G13 menunjukkan perbincangan secara online melalui kemudahan aplikasi internet seperti whatsapp dan telegram bersama pensyarah dan rakan-rakan jelas membuktikan bahawa tingkah laku dan minat pelajar kepada kursus berubah melalui teknik pembelajaran yang berbeza. Hal ini disokong oleh hasil kajian Oxford dan Crookall(1989) sebagaimana yang dinukilkan oleh Rafiza (2012) menyatakan guru-guru yang mempelbagaikan strategi pengajaran dapat membantu pelajarannya menguasai pembelajaran dengan cepat dan berkesan.

Hasil kajian mendapati mahasiswa lebih suka berinteraksi dan memberi pendapat atas talian. Mereka berasa selesa untuk memberi pendapat apabila tidak perlu berhadapan dengan pensyarah atau pun rakan sekelas. Selain itu, mereka berpendapat teknik pembelajaran ini memberi masa dan ruang yang fleksibel untuk mereka memahami topik yang tidak dikuasai dalam pengajian secara online dan menyelesaikan tugas yang diberi. Dapatan kajian oleh Kairun Nadwa (2007), juga menunjukkan dalam proses pembelajaran yang mengamalkan kaedah kuliah atau 'chalk and talk', yang lebih berpusatkan guru ini, akan menyebabkan ilmu yang disampaikan tidak sepenuhnya diterima oleh pelajar.



Rajah 3. Perlakuan mahasiswa yang lebih selesa berinteraksi dan memberi pendapat atas talian

Kajian mendapati penggunaan teknologi dalam pembelajaran atas talian dapat membantu pelajar berinteraksi dan menyuarakan pendapat dalam pengajaran dan pembelajaran. Sutherland (2002) dalam kajiannya, mendapati pelajar yang menggunakan teknologi atas talian dapat membuat pembacaan mengikut kesesuaian dan gaya pembelajaran mereka. Faktor ini juga mempengaruhi minat dan motivasi mereka untuk terus membaca dan memperbaiki pencapaian akademik.

Dapatan keseluruhan analisa soal selidik para responden kajian menunjukkan bahawa strategi pembelajaran *ilm takhrij al-hadith* sewaktu COVID-19 memberi kesan yang baik terhadap pelajar dengan bahan bantuan yang digunakan oleh tenaga pengajar dan daya usaha pelajar sendiri dengan capaian yang berada pada tahap sangat tinggi dengan nilai purata min keseluruhan sebanyak 4.09.

5.0 Kesimpulan

Pembelajaran konstruktif atas talian adalah evolusi pembelajaran yang memudahkan proses pembelajaran sepanjang hayat. Hasil daripada kajian menunjukkan strategi pembelajaran ini memberi peluang yang fleksibel kepada mahasiswa KUIS untuk belajar seperti mereka dapat menjawab soalan yang dikemukakan oleh pensyarah di whatsapp atau telegram mengikut kesediaan mereka. Perbincangan atas talian turut membantu mereka berinteraksi menyiapkan tugas kumpulan walaupun berada di rumah.

Beberapa faedah yang dapat diperolehi daripada strategi pembelajaran konstruktif iaitu: a) Memberi ruang dan membantu pelajar berinteraksi dan menyuarakan pendapat. b) Memudahkan kefahaman mahasiswa terhadap kursus yang dipelajari c) Meningkatkan motivasi dan minat mahasiswa terhadap pembelajaran dan pengajaran d) Meningkatkan akses kepada bahan pembelajaran dengan cepat, mudah dan menjimatkan e) Meningkatkan pencapaian akademik mahasiswa.

Perubahan metode dalam pembelajaran dan pengajaran ketika dunia sedang menghadapi pandemik COVID-19 mengajak semua untuk lebih memaknai bahawa teritori antara guru dan murid tidak boleh dipisahkan dan pemerksaan ilmu tetap berlangsung bagi memastikan nilai ilmu terpelihara dan hasrat melahirkan generasi berpengetahuan tinggi benar-benar tercapai.

6.0 Rujukan

- Abdul Majid. 2013 Strategi Pembelajaran. Bandung: Rosdakarya Offset.
- Azhar Ahmad. 2006. Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah. Tesis Ph.D Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Che Samsudin Muhammad Noor. 2004. Pengajian hadith di Kelantan: Satu kajian di institusi pengajian pondok. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Dimiyati dan Mudjiono. 2006. Belajar dan Proses Pembelajaran. Jakarta: Rineka Cipta.
- Fatimah Sahro. 2018. Hubungan Proses dan Strategi Pembelajaran Konstruktivisme Terhadap Prestasi Belajar Mata Pelajaran Akuntansi dengan Materi Pokok

- Investasi Peserta Didik Di Kelas Xi Smk Muhammadiyah 14 Siabu Tahun Pelajaran 2016-2017. Nusantara (Jurnal Ilmu Pengetahuan Sosial) Volume 4 Februari 2018. ISSN 2541-657X
- Khairun Nadwa Md Ahir (2007). Kesan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri (Pbi) Melalui Web Terhadap Prestasi Dan Persepsi Pelajar Dalam Matapelajaran Fizik Peringkat Universiti : Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Army Yusop. 2011. Pengajian hadith di Madrasah Miftahul Ulum, Sri Petaling, Kuala Lumpur. Tesis Sarjana. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Prettyman, E.P. (1996). *Two methods of teaching English literature and students attitudes towards these methods*. Dissertation abstracts, xxvi.
- Rafiza Abdul Razak. 2013. Strategi Pembelajaran Aktif Secara Kolaboratif Atas Talian Dalam Analisis Novel Bahasa Melayu. JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik – Julai , Bil. 1 Isu 3.
- Ramlah.2016.Penerapan Pendekatan Problem Solving Untuk Meningkatkan Kemampuan Siswa Pada Materi Operasi Hitung Kelas Iv Sd Kartika Banda Aceh. Jurnal Peluang, Volume 4, Nomor 2, April 2016, ISSN: 2302-5158
- Sapie Sabilan, Mohamad Fuad Ishak, Mohd Kamal Din@Nasirudin, dan Rekkeman Kusut. 2014. Tahap Pelaksanaan Pendekatan, Strategi, Kaedah Dan Teknik Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Latihan Mengajar Menurut Persepsi Guru-Guru Pelatih Fakulti Pendidikan Kuis : Satu Tinjauan Awal
- Siti Mastiyah. 2018. Analisis Strategi Pembelajaran Sains Dengan Perspektif Psikologi Perkembangan Peserta Didik Kelas V Pada Buku Tematik Tema 8 Sub Tema 3 Memelihara Ekosistem. Jurnal Mitra Pendidikan Edisi April. Vol. 2 No. 4
- Slameto, 2010. Belajar dan Faktor-faktor yang Mempengaruhinya, Jakarta: PT.Rineka Cipta. Jurnal Pendidikan Bil 1 (2) 2014 88.
- Sutherland-Smith, W. (2002). Weaving the literacy web : Change in reading from page to scree, Reading Teacher, April 1, Vol 55, Issue 7.
- Syulhanif Kadri, Dr. Shumsudin Yabi. 2017. Persepsi Pelajar Terhadap Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Subjek Ulum Hadith Di Usim. 2nd INHAD International Muzakarah & Mu'tamar On Hadith 2017. 15 November 2017. Kuis, Kajang, Selangor. Organized By Hadith Research Institute (Inhad), International Islamic University College Selangor, Malaysia.
- Wina Sanjaya. 2007. *Strategi Pembelajaran Berorientasi Standar Peroses Pendidikan*, (Jakarta: Kencana.), h.126-127.